



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

Tarikh : 17 Okt 2001

PEKELILING MAJIKAN BIL.13/2001

**KADAR BANTUAN KEWANGAN BAGI ELAUN MAKAN DAN TAMBANG
KAPAL TERBANG (KELAS EKONOMI) BAGI PENGAJAR LUAR NEGERI
YANG MENGENDALIKAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE TRAINING)**

1 TUJUAN

Tujuan pekeliling majikan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua majikan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) mengenai perkara seperti berikut:-

- a) Kenaikan kadar bantuan kewangan bagi elaun makan pelatih/pengajar syarikat dari RM6 kepada RM10; dan
- b) Majikan layak mendapat bantuan kewangan bagi perbelanjaan tambang kapalterbang (kelas ekonomi) bagi pengajar luar negeri yang mengendalikan latihan dalaman syarikat.

**2 BANTUAN KEWANGAN BAGI ELAUN MAKAN
PELATIH/PENGAJAR SYARIKAT DAN TAMBANG KAPAL
TERBANG (KELAS EKONOMI) PENGAJAR LUAR NEGERI
BAGI LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE TRAINING)**

- 2.1 PSMB telah membuat keputusan bahawa kadar bantuan kewangan bagi elaun makan pelatih/pengajar syarikat dinaikkan dari RM6 kepada RM10 dengan syarat latihan dalaman tersebut mencapai 7 jam sehari dan dijalankan di premis majikan.
- 2.2 PSMB juga telah membuat keputusan bahawa tambang kapalterbang (kelas ekonomi) untuk pengajar luar negeri yang dilantik oleh majikan bagi mengendalikan latihan dalaman mereka layak mendapat bantuan kewangan dengan syarat bahawa pengajar terlibat hanya mengendalikan program latihan berkenaan sahaja. Dalam hubungan ini, majikan diwajibkan membuat pegesahan bertulis bahawa pengajar terlibat hanya mengendalikan latihan berkenaan sahaja dengan kepala surat syarikat semasa mengemukakan permohonan geran latihan.
- 2.3 Kemudahan ini adalah berkuatkuasa pada 1 November 2001. Oleh yang demikian, semua program latihan yang tarikh latihan bermula pada dan selepas 1 November 2001 layak mendapat kemudahan ini.

3. TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada **1 November 2001**.
Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(RUSNAN BIN SAMAT)

Timbalan Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad